

Sambutan perlihatkan formula kerjasama pelbagai kaum berjaya

UM 21 SEP 2003

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Barisan Nasional (BN) hari ini menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa di Stadium Merdeka di sini dalam suasana memperlihatkan formula kerjasama pelbagai kaum yang cukup berjaya.

Kira-kira 30,000 ahli dan penyokong parti berhimpun di stadium bersejarah itu menyaksikan pemimpin-pemimpin mereka dari 14 parti komponen bersatu dengan iltizam mahu meneruskan kejayaan dan kegemilangan Malaysia di bawah pemerintahan BN.

Sejurus selepas tiba kira-kira pukul 3 petang, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dibawa berarak menaiki Proton Cabriolet sambil membalas lambaian dan sorakan penyokong BN daripada segenap penjuru stadium.

Turut menyertai beliau ialah Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat yang menaiki kereta berasingan.

Sepanjang perarakan itu, lagu *Pahlawanku* dimainkan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada negarawan ulung itu yang memimpin parti sejak 1981.

Sementara itu, selepas upacara menaikkan bendera dan nyanyian lagu Barisan Nasional, Abdullah kemudiannya memeriksa perbarisan Pergerakan Pemuda dan Wanita BN.

Acara penuh simbolik dan bersejarah itu dihangatkan lagi dengan bacaan ikrar lima pereng-

gan yang diketuai oleh Ketua Penerangan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Kamaruddin Ambok.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu memulakan ucapan bagi mewakili masyarakat India; diikuti Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting (mewakili masyarakat Cina) dan Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud bagi mewakili penduduk Sabah dan Sarawak.

Cuaca agak panas pada permulaan acara tidak melunturkan semangat ahli-ahli parti komponen BN yang datang dari segenap pelosok negara, malah mereka terus memberi sambutan setiap kali pemimpin terbabit berucap.

Abdullah kemudiannya mengambil tempat untuk berucap sebelum Dr. Mahathir menyampaikan uapannya.

Perhimpunan kali ini dianggap penting dan signifikan memandangkan Dr. Mahathir akan bersara bulan depan.

BN kini dianggotai oleh UMNO, MCA, MIC, PBB, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Maju Sabah (Sapp).

Parti lain ialah Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko),

Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP).

Beberapa parti yang menyokong BN turut bersama dalam perayaan itu termasuk Parti Barisan Progresif India (IPF) dan parti Punjabi Malaysia.

Perhimpunan itu berakhir dengan upacara pemotongan pulut kuning oleh Dr. Mahathir sebagai tanda kesyukuran atas kecemerlangan perkongsian kuasa BN.